FONG OOI LEE

lwn.

KETUA POLIS TRAFIK & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
RAHMAH HUSSAIN PK
[GUAMAN SIVIL NO: S4-21-31-92]
12 MAC 1998

TORT: *Gantirugi - Penggarian salah - Waran tangkap kerana gagal hadir di mahkamah atas tuduhan melakukan kesalahan trafik - Plaintif menyerah diri dan digari - Samada merupakan penggarian salah - Jumlah gantirugi - Samada berhak kepada gantirugi teladan*

Ini adalah tuntutan oleh plaintif kerana penggarian salah yang dilakukan terhadapnya oleh defendan pertama. Fakta menunjukkan bahawa plaintif telah melakukan beberapa kesalahan lalulintas dan Mahkamah Trafik telah mengeluarkan waran tangkap terhadapnya. Pada 2 Mac 1992 plaintif telah menyerah diri di Balai Polis Trafik, Jalan Bandar, dan berikutnya, defendan pertama menangkap plaintif dan menggarinya. Defendan pertama kemudian membawa plaintif ke Balai Polis Jalan Travers dan di situ gari plaintif dibuka apabila beliau dimasukkan ke lokap Balai Polis tersebut. Gambar plaintif digari telah disiarkan dalam akhbar dan plaintif menuntut gantirugi dari defendan-defendan. Defendan-defendan mengakui liabiliti dan persoalan yang timbul ialah jumlah gantirugi yang patut diawardkan kepada plaintif.

Diputuskan:

[1] Dalam memberi award bagi gantirugi am dalam kes-kes seumpama ini, mahkamah perlu mengambilkira antara lain soal penjejasan reputasi dan kebebasan plaintif serta latar belakang, perangai dan pendapatannya.

[2] Semasa kejadian, plaintif pulang bercuti dari pengajian di London dan hanya bekerja sementara mulai bulan Februari 1992 sebagai sales adviser. Tiada bukti mengenai pendapatannya. Bagaimanapun, memandangkan plaintif seorang penuntut dan baru berusia 22 tahun, maka pendapatannya tidaklah begitu tinggi. Dari segi tingkah laku, plaintif jelas seorang yang tidak mematuhi undang-undang dan gagal pula menghadirkan diri di mahkamah.

[3] Plaintif bukanlah seorang yang berkedudukan tinggi atau "public figure" yang boleh terjejas reputasinya dengan penyiaran gambar dan berita penggariannya di dalam akhbar. Tambahan pula, tempoh penggariannya hanya satu jam. Dalam halkeadaan yang wujud, award gantirugi am sebanyak RM30,000 adalah memadai. Plaintif tidak dapat membuktikan

tindakan oppressive dan sewenang-wenang oleh pihak polis, dan dengan itu tidak berhak kepada "exemplary damages".

[Perintah sekadarnya.]

Kes yang dirujuk:

Vairavan Chettiar v. Attorney General of The Straits Settlement [1933] MLJ 13 ***(diikuti)***
E. Gopal & Anor v. Awang Mona [1978] 2 MLJ 251 ***(diikuti)***
Rookes v. Barnard [1964] 1 All ER 367 ***(diikuti)***

Bagi pihak pemohon - Karpal Singh; T/n Karpal Singh & Co
Bagi pihak responden - Ahmad Zaki; Jabatan Peguam Negara

Dilaporkan oleh WA Sharif

PENGHAKIMAN

Rahmah Hussain PK:

Ini adalah rayuan plaintif terhadap keputusan saya memberi award gantirugi am berjumlah RM30,000 dengan faedah sebanyak 8% setahun dari tarikh tangkap (2 Mac 1992) sehingga tarikh penyelesaian dan kos.

Tuntutan plaintif adalah terhadap penggarian dan pemenjaraan salah yang dilakukan oleh defendan pertama semasa beliau di tangkap bagi kesalahan trafik berbangkit dari waran tangkap yang dikeluarkan oleh Majistret Mahkamah Trafik Kuala Lumpur. Walaubagaimana pun pihak defendan telah mengakui liabiliti dan plaintif pula hanya meneruskan tuntutan gantirugi terhadap penggarian salah sahaja.

Pada 2 Mac 1992 plaintif telah menyerah diri di Balai Polis Trafik, Jalan Bandar apabila waran tangkap yang dikeluarkan terhadapnya gagal dilaksanakan kerana beliau tiada di rumah. Waran tangkap tersebut dikeluarkan oleh majistret kerana plaintif telah gagal hadir di mahkamah bagi menjawab satu saman trafik yang dikeluarkan terhadapnya.

Semasa menyerah diri, plaintif telah ditangkap, digari dan di bawa ke Balai Polis Jalan Travers dengan van. Plaintif tidak membantah penggariannya setelah diberitahu polis bahwa ia adalah satu prosedur yang perlu dilakukan. Garinya dibuka apabila ia tiba dan di tahan didalam lokap Balai Polis Travers.

Pada 3 Mac 1992 plaintif telah dibawa ke Mahkamah Majistret Jalan Duta dengan menaiki van dalam keadaan bergari. Beliau dibawa masuk ke dalam mahkamah dan waktu itu beberapa orang wartawan telah mengambil gambar plaintif dalam keadaan bergari. Berita dan gambar plaintif telah dilaporkan dalam beberapa akhbar tempatan. Setiba ke dalam mahkamah gari plaintif dibuka dan beliau telah mengakui kesalahannya dan dijatuhi hukuman.

Peguam plaintif menghujjahkan award yang diberikan terhadap gantirugi haruslah tinggi kerana beliau mendakwa pihak polis bertindak kasar terhadap anak guamnya. Seterusnya plaintif juga berasa terhina apabila disaksikan oleh orang ramai semasa digari dan gambarnya juga jelas terpampang dalam suratkhabar. Oleh itu plaintif juga menuntut gantirugi teladan (exemplary).

Terdapat dua (2) isu yang perlu ditentukan oleh mahkamah semasa mencapai keputusan untuk memberi award gantirugi am kepada plaintif berjumlah RM30,000.

(1) Sama ada reputasi dan perangai plaintif terjejas berikutan penggarian tersebut.

(2) Sama ada pihak polis telah bertindak menekan (oppressive), sewenang-wenangnya (arbitrary) dan bertentangan dengan perlembangaan atau sama ada tindakan defendan itu mendatangkan keuntungan kepadanya.

Sekiranya jawapan kepada isu kedua adalah ia, sama ada plaintif berhak untuk mendapat gantirugi teladan (exemplary).

Isu Pertama

Mahkamah ini terikat dengan nas-nas yang diutarakan oleh kedua-dua pihak berkenaan garis panduan dalam memberi award bagi gantirugi am dalam kes-kes seumpama ini. Faktor utama yang harus diambikira ialah reputasi dan perangai plaintif sendiri. Dalam kes *Vairavan Chettiar v. Attorney General of The Straits Settlement* [1933] MLJ 13, Terral J menyatakan seperti berikut:

> I am however, entitled to give general damages and considering the fact that the plaintif is carrying on business in Malacca and was led in handcuffs through the streets of the town in broad daylight, I have no doubt that his reputation must have been injured. I assess the damages at RM1,000.

Saya menerima pakai kes ini dengan berhati-hati dan membezakan dengan kes di hadapan saya kerana kes di atas melibatkan tuntutan gantirugi kerana pemenjaraan atau tangkapan yang menyalahi undang-undang. Jumlah RM1,000 yang agak besar nilainya pada tahun 1932 adalah berpatutan kerana ia melibatkan penjejasan kebebasan secara sepenuhnya.

Kes seterusnya yang diambilkira ialah kes *E. Gopal & Anor v. Awang Mona* [1978] 2 MLJ 251 di mana latarbelakang, perangai dan pendapatan responden diambilkira dalam menentukan gantirugi. Di ms 255 Hakim Yang Arif berkata:

> With regard to the last ground relating to the award of damages, I need not deal in detail in view of the above. Nevertheless, I think that considering the respondent's background and very low earning capacity as a fisherman, if

indeed he was, (he has been in and out of prison from 1947 till 1969), they are on the high side. He does not appear to deserve such award for such a space of detention, the damages if at all ought to be nominal.

Dalam kes di hadapan saya, semasa kejadian, plaintif pulang bercuti dari pengajian di London dan hanya bekerja sementara mulai bulan Februari 1992 sebagai sales adviser. Ini bermakna pada hari kejadian 2 Mac 1992 beliau baru bekerja sementara selama dua bulan dan dua hari. Tiada bukti mengenai pendapatannya. Tetapi memandangkan beliau seorang penuntut dan baru berusia kira-kira dua puluh dua tahun maka pendapatannya tidak mungkin begitu tinggi. Manakala dari segi tingkahlaku plaintif adalah jelas seorang yang tidak mematuhi undang-undang negara kerana melakukan kesalahan trafik dan gagal pula menghadirkan diri ke mahkamah. Beliau hanya datang menyerah diri ke Balai Polis Trafik apabila mendapat pesanan dari ibunya mengenai kedatangan dua orang anggota polis trafik ke rumahnya pada pukul 2.30 petang hari yang sama. Dari segi reputasi pula, beliau bukanlah seorang yang berkedudukan tinggi atau "public figure" yang boleh terjejas dengan penyiaran gambar dan berita penggariannya di dalam akhbar. Tambahan pula tempoh penggarian keseluruhannya hanyalah satu jam.

Isu Kedua

Dalam kes *Rookes v. Barnard* [1964] 1 All ER 367 House of Lords telah memutuskan bahawa undang-undang Inggeris membenarkan award gantirugi teladan (exemplary) dalam dua keadaan iaitu:-

(1) Apabila terdapat tindakan oppressive, sewenang-wenangnya dan bertentangan dengan perlembagaan yang dilakukan oleh kakitangan kerajaan.

(2) Apabila terdapat keuntungan yang mungkin diambilkira dan dikaut oleh kakitangan tersebut untuk dirinya sendiri yang mungkin melebihi pampasan yang boleh dibayar kepada plaintif.

Menggunakan prinsip ini kepada kes di hadapan saya, adalah pendapat saya bahawa tiada sebarang keuntungan yang mungkin dapat dikaut oleh defendan pertama dari tindakan mereka menggari plaintif. Mereka hanyalah menjalankan operasi menangkap pesalah-pesalah trafik yang gagal hadir ke mahkamah menjawab pertuduhan bagi kesalahan yang telah dilakukan. Mahkamah mengambil judicial notice bahawa pada masa kejadian, kempen melaksanakan penguatkuasaan terhadap pesalah trafik sedang berjalan di seluruh negara di mana banyak waran tangkap dikeluarkan tetapi tidak dilaksanakan.

Mengenai tindakan oppressive dan sewenang-wenangnya juga tidak dapat dibuktikan oleh plaintif. Hujah peguam plaintif bahawa tindakan polis telah mengakibatkan publisiti meluas dan boleh diambilkira sebagai oppressive tidak boleh diterima. Ini kerana polis tidak bertanggungjawab secara langsung tentang

penyiaran atau publisiti tersebut kerana gambar diambil di tempat awam dan bukan melalui satu press conference yang dianjurkan oleh defendan. Juga mengikut keterangan plaintif gambarnya hanya tersiar di Utusan Malaysia negara ini dan di Straits Times Singapore sahaja. Oleh yang demikian saya berpendapat reputasi plaintif tidak mungkin terjejas seteruk yang dikatakan dan adalah tidak wajar gantirugi teladan (exemplary) diberi kepadanya.